



**MENTERI KANAN
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

PERUTUSAN AIDIL FITRI 1442H

Alhamdulillah, setelah sebulan kita menjalani latihan ruhiyyah dalam bulan Ramadhan, hari ini kita bersama merayakan Hari Kemenangan sempena Syawal yang mulia.

Marilah kita memperkuuh ukhuwwah dan silaturahim, membulatkan semangat persaudaraan di antara umat. Meraya fitrah, mengikat ukhuwwah.

Lebih setahun kita berdepan dengan penularan wabak COVID-19 yang memberikan dampak kepada rakyat dan ekonomi negara. Pandemik ini bukan sahaja mengancam kesihatan rakyat, tetapi ianya menggugat tunjang ekonomi yang kita telah bina selama ini. Maka, selaras dengan prinsip *maqasid al-shariah*, kita tuntas melaksanakan pelbagai ikhtiyar untuk mengimbangi tuntutan di antara melindungi nyawa dan keselamatan rakyat dengan tuntutan untuk memelihara ekonomi demi membela kebijakan dan kesejahteraan rakyat.

Bersabarlah menghadapi ujian ini. Kita yakin usaha bersama akan berjaya melandaikan keluk penularan COVID-19 di bumi Malaysia. Pendekatan *whole of society approach* akan memperkasa diri, masyarakat dan negara dalam usaha untuk melindungi nyawa rakyat, dan melangkah maju ke hadapan untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Kita boleh dan pasti berjaya.

Kepada seluruh barisan hadapan, doktor dan jururawat, pakar kesihatan dan pasukan keselamatan, kalian adalah wira negara. Saya menghargai setiap detik pengorbanan saudara, yang cekal dan tabah mengharungi gelombang yang tidak berkesudahan demi keselamatan diri, keluarga tercinta dan rakyat keseluruhannya. Tahniah dan syabas.

Meskipun kita beraya dalam suasana yang sederhana tetapi saya yakin akan ketabahan rakyat Malaysia bersama memerangi penularan wabak COVID-19. Kata kunci di musim perayaan ini adalah ‘pematuhan’. Kita mesti melindungi kesihatan diri kita, keluarga tersayang dan kita semua. Patuhi undang-undang, patuhi SOP dan amalkan tertib penjagaan kesihatan yang berkesan.

Perayaan Aidil Fitri juga mengingatkan akan pentingnya mengangkat harakat kemuliaan insan. Justeru, di hari yang mulia, ayuh kita bersatu dalam semangat persaudaraan dan berdiri sebahu dengan kekuatan dan keyakinan sebagai umat yang diberkati oleh Allah SWT agar kita dapat menghadapi cabaran yang mendatang dengan tekun, tekad dan keinginan untuk berjaya.

Hanya melalui kesatuan dan perpaduan serta perkongsian satu matlamat sebagai sebuah negara, kita dapat mendaulatkan kemelut menjadi kemungkinan, dan kegagalan menghasilkan kejayaan.

Akhirul kalam, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada seluruh umat Islam dari seluruh lapisan masyarakat. Menjadi doa dan harapan kita agar seluruh rakyat bersatu hati, membulatkan tekad dan membingkai muafakat agar cahaya kejayaan menyinar di Aidil Fitri.

Minal A'idin Wal Faizin, Kullu 'Am Wa Antum Bi Khair,

Maaf Zahir dan Batin

DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI

12 Mei 2021

30 Ramadhan 1442H